

Najib mahu semua pihak sokong Abdullah pengganti Dr. Mahathir

UM 8 APR 2002

KUALA LUMPUR 7 April - Naib Presiden UMNO Datuk Seri Najib Tun Razak mahu semua pihak terutama ahli-ahli UMNO menyokong Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad apabila Perdana Menteri berundur kelak.

Menurutnya, isu siapa pengganti Perdana Menteri sepatutnya tidak timbul jika semua pihak memahami jaminan Dr. Mahathir bahawa Abdullah adalah penggantinya.

Malah, tegas Najib, UMNO sendiri mempunyai tatacara khusus mengenai pemilihan pucuk kepimpinannya dengan menolak sama sekali sebarang bancian pendapat pihak tertentu di luar parti.

Beliau mengulas bancian pendapat dalam organ rasmi Pas. *Harakah*. dalam edisi Internetnya mengenai siapa paling layak menjadi Perdana Menteri selepas Dr. Mahathir.

"Saya tidak ada tanggungjawab atas bancian mereka

(*Harakah*) dan saya tidak faham mengapa kita perlu melatah dengan bancian ini sebab Dr. Mahathir sendiri telah membuat kenyataan bahawa Abdullah adalah pengganti beliau," katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Keputusan bancian itu merujuk Abdullah di tempat ketiga selepas Najib dan seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Najib seterusnya berkata, pihak di luar UMNO tidak boleh menentukan atau membuat keputusan mengenai aspek pemilihan pemimpin UMNO.

Sebaliknya, Najib berharap semua pihak akur dengan jaminan Dr. Mahathir sebelum ini yang berulang kali membuat kenyataan bahawa Abdullah adalah penggantinya.

"Jangan melatah terhadap bancian ini kerana apa yang penting ialah menjaga kepentingan parti. Sesiapa nak buat bancian itu mereka punya hal tetapi dalam

UMNO kita ada cara sendiri untuk memilih pemimpin," katanya.

Menurut akhbar Singapura, *The Straits Times*, motif Pas melalui *Harakah* membuat bancian itu tidak menghairankan memandangkan Abdullah kini merupakan musuh nombor satu parti itu kerana beberapa sebab.

Antaranya kerana selaku Menteri Dalam Negeri, beliau telah mengambil tindakan-tindakan yang menyuahkan Pas dan justeru beliau dilihat sebagai satu ancaman kepada parti itu.

Menurut akhbar itu, apa yang Pas lakukan itu bukan perkara luar biasa.

Sesungguhnya, adalah biasa bagi parti itu menghalakan muncung senapang ke arah orang yang dilihatnya sebagai ancaman besar kepada matlamatnya menguasai kerajaan-kerajaan negeri dan akhirnya memerintah Malaysia.